

1981

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA)— TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA PEKERJA DALAM BIDANG KOMPUTER BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN UNTUK MERENCANA SATU PERANCANGAN TERATUR UNTUK MEMAJUKAN PENGGUNAAN KOMPUTER DI NEGERA INI.

+JIKA PERANCANGAN INI DITERIMA, STRATEGI-STRATEGI UNTUK MELAKSANAKANNYA SAMA ADA SECARA KESELURUHAN ATAU PUN SEBAHAGIANNYA AKAN DIJALANKAN KEMUDIAN, + KATANYA DI MAJLIS JAMUAN ANJURAN PERSATUAN KOMPUTER MALAYSIA DI SINI MALAM TADI.

KATANYA PENGGUNAAN KOMPUTER YANG MELUAS MUNGKIN AKAN BERLAKU SEMASA PERLAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN KERAJAAN SEDAR BAHAWA LATIHAN PENGGUNAAN KOMPUTER PADA MASA INI MASIH KETINGGALAN DI BELAKANG BERBANDINGAN DENGAN PERMINTAAN MEREKA.

SATU KAJIAN TAHUN LALU MENUNJUKKAN BAHAWA UNJURAN PERMINTAAN PENGANILASA SISTEM DAN PERANCANG DALAM BIDANG KOMPUTER IALAH SERAMAI 500 ORANG SETAHUN DAN NEGARA MEMERLUKAN ANTARA 4.800 DAN 5.000 PENGAMBILAN SISTEM DALAM TEMPOH 10 TAHUN AKAN DATAN.—BERSAMBUNG 1245/AM

3555  
MAHATHIR-KOMPUTER 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA MEMANGLAH MENJADI TUGAS DAN FUNGSI KERAJAAN UNTUK MEMPASTIKAN KEADAAN PERMINTAAN DAN BEKALAN DALAM BIDANG KOMPUTER INI SEIMBANG, JIKA TIDAK PERKEMBANGAN PROGRESIF DALAM BIDANG INI AKAN TERJEJAS.

BELIAU BERHARAP INSTITUSI-INSTITUSI SWASTA AKAN MEMAINKAN PERANAN MEREKA DENGAN MENYEDIAKAN PROGRAM LATIHAN BAGI PEKERJA KOMPUTER UNTUK MEMBANTU USAHA-USAHA KERAJAAN ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BERSEEDIA MEMBINCANGKAN APA JUGA CADANGAN DARI PIHAK SWASTA UNTUK MENGATASI MASALAH INI SAMADA DALAM JANGKA PENDEK ATAU PUN SEMENTARA SEBELUM DITUBUHKAN INSTITUT KOMPUTER KEBANGSAAN.

+LANGKAH-LANGKAH TELAH DIAMBIL UNTUK MENAMBAH PENGELUARAN PROFESIONAL DALAM BIDANG KOMPUTER DI NEGERA INI, + TAMBAHNYA LAGI.

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MEMBUAT PELABURAN PERMULAAN UNTUK MENENTUKAN SAMADA WAJAR UNTUK MELABUR DALAM SISTEM DATA SEPADU KEBANGSAAN.—BERSAMBUNG 1250/AM

MAHATHIR-KOMPUTER 3 KUALA LUMPUR

+DARI KEPUTUSAN-KEPUTUSAN AWAL MENUNJUKKAN PROJEK INI ADALAH SESUAI DILAKSANAKAN DAN DALAM TEMPUH TIGA TAHUN AKAN DATANG, RANCANGAN PERMULAANNYA AKAN DILAKSANAKAN, + JELASNYA.

+PADA MASA YANG SAMA, KAJIAN PERMULAAN MENGENAI SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN DI PERINGKAT NEGERI DAN PERANCANGAN PROJEK TELAH PUN DIBUAT DAN INI AKAN DIRANGKUMKAN BERSAMA DENGAN SISTEM MAKLUMAT KEBANGSAAN YANG DICADANGKAN.

+ SATU SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN BAGI PERBADANAN AWAM JUGA SEDANG DIRANCANGKAN TERMASUK SATU SISTEM BAGI KEMENTERIAN KESEHATAN.

+RANCANGAN-RANCANGAN JUGA SEDANG DIBUAT UNTUK MEMPERHEBAT DAN MEMBESARKAN PENGGUNAAN KOMPUTER DI KEMENTERIAN PELAJARAN YANG TELAH PUN MENGGUNAKAN KOMPUTER LEBIH SOFISTIKATED DALAM NEGERA.—BERNAMA 1255/AM